

Hukum membatalkan puasa qadha' adalah berdosa sekiranya tanpa uzur yang disyariatkan seperti haid dan musafir.

Ini sepertimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Hani' RA:

يَا رَسُولَ اللَّهِ لَقَدْ أَفْطَرْتُ وَكُنْتُ صَائِمَةً

Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah berbuka sedangkan aku berpuasa.

فَقَالَ لَهَا: أَكُنْتَ تَقْضِينَ شَيْئًا

Maka Rasulullah ﷺ berkata kepadanya: "Adakah kamu sedang mengqadhakan sesuatu (puasa)?"

قَالَتْ: لَا . قَالَ : فَلَا يَضُرُّكَ إِنْ كَانَ تَطَوُّعًا

Beliau berkata: "Tidak." Sabda Rasulullah ﷺ: "Maka tidak memudaratkan (memberi dosa) kepadamu sekiranya ia adalah puasa sunat.

[Sahih Abu Daud (2456)]



Di dalam kitab Kifayah al-Akhyar dijelaskan tidak boleh seseorang membatalkan puasa qadha' kerana telah memulakan sesuatu yang wajib. Oleh itu tidak boleh sengaja membatalkannya melainkan dengan keuzuran yang dibolehkan syarak.

[Kifayah al-Akhyar fi Halli Ghayah al-Ikhtisar, 1/207]

KESIMPULAN

Sesiapa yang telah melakukan puasa qadha' Ramadhan, dia **tidak boleh membatalkannya tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh Syarak**. Namun puasa sunat boleh diabatalkan walaupun tanpa uzur.

SUMBER

AL-INARAH #502 MEMBATALKAN PUASA QADHA RAMADHAN